

Meneroka Cabaran dan Isu dalam Adaptasi Antarabudaya Populasi Orang Pelarian serta Pencari Suaka di Negara Transit dan Penempatan Semula

(Exploring Challenges and Issues in Intercultural Adaptation of Refugees and Asylum Seekers in Transit and Resettlement Countries)

Balqis Aini Mustafa^{1*}, Abdul Latiff Ahmad², Jamaluddin Aziz³,

Andika Ab. Wahab⁴

¹Pusat Kajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: balqisaini.mustafa@gmail.com

²Pusat Kajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: alba@ukm.edu.my

³Pusat Kajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: jaywalk@ukm.edu.my

⁴Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: andikawahab@ukm.edu.my

ABSTRAK

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Balqis Aini Mustafa

(balqisaini.mustafa@gmail.com)

KATA KUNCI:

Adaptasi antarabudaya

Orang pelarian

Pencari suaka

Cabaran

Negara tuan rumah

KEYWORDS:

Intercultural adaptation

Refugees

Asylum seekers

Challenges

Host country

CITATION:

Balqis Aini Mustafa et al.. (2022). Meneroka Cabaran dan Isu dalam Adaptasi Antarabudaya Populasi Orang Pelarian dan Pencari Suaka di Negara Transit dan Penempatan Semula. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), e001355.

Setiap individu yang bermigrasi ke tempat baharu akan mengalami proses adaptasi antarabudaya. Ini termasuklah populasi yang bermigrasi secara paksa (*forced migration*). Populasi orang pelarian dan pencari suaka merupakan populasi yang bermigrasi secara paksa ekoran faktor-faktor seperti penganiayaan, konflik, keganasan, atau pelanggaran hak asasi manusia di negara asal mereka. Sama seperti populasi yang bermigrasi secara suka rela (e.g., golongan profesional dan pelajar antarabangsa), orang pelarian dan pencari suaka juga akan mengalami proses adaptasi antarabudaya di negara tuan rumah (negara transit atau penempatan semula). Pengalaman adaptasi antarabudaya golongan terpinggir dan rentan (*marginalised and vulnerable*) ini bukanlah sesuatu yang mudah. Artikel ulasan ini bertujuan untuk meneroka cabaran dan isu utama yang dialami oleh populasi orang pelarian dan pencari suaka semasa menyesuaikan diri di negara tuan rumah. Kajian-kajian terdahulu berkaitan populasi orang pelarian dan pencari suaka di luar negara, khususnya negara-negara transit dan penempatan semula telah dirujuk dan dibincangkan. Pengkaji mengenal pasti beberapa cabaran dan isu utama yang dihadapi oleh populasi orang pelarian dan pencari suaka semasa menyesuaikan diri di negara tuan rumah iaitu (i) halangan bahasa, (ii) sosial, (iii) pekerjaan, (iv) penjagaan kesihatan,

<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1355>

dan (v) pendidikan. Lantaran itu, negara tuan rumah seharusnya mengambil kira pelbagai aspek ini dalam membantu populasi orang pelarian dan pencari suaka untuk menyesuaikan diri di negara tuan rumah.

ABSTRACT

Every individual who migrates to a new place will undergo the process of intercultural adaptation. This includes forced migration population. The refugee and asylum seeker population migrates forcibly due to factors such as persecutions, conflicts, violence, or human rights violations in their country of origin. Similar to populations that migrate voluntarily (i.e., business professionals and international students), refugees and asylum seekers will also experience a process of intercultural adaptation in the host country, be it transit or resettlement country. The intercultural adaptation experience of the marginalized and vulnerable population is not easy. This review article aims to explore the key challenges and issues faced by the refugee and asylum seeker population while adjusting in host countries. Previous studies on refugee and asylum seeker population abroad, particularly in transit and resettlement countries are referred to and discussed to meet the aim of this review article. The researcher identified several key challenges and issues faced by the refugee and asylum seeker population while adjusting in host countries, namely: (i) language barriers, (ii) social, (iii) employment, (iv) health care, and (v) education. Therefore, the host country should take into account these various aspects in assisting refugees and asylum seekers to adapt in the host country.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang analisis logik melalui analisis tematik literatur sedia ada dengan mengulas cabaran dan isu utama yang dialami oleh populasi orang pelarian dan pencari suaka di negara tuan rumah.

1. Pengenalan

Populasi global melibatkan orang yang berhijrah secara paksa (*forced migration*) meningkat dengan drastik daripada 43.3 juta pada tahun 2009 kepada 70.8 juta pada tahun 2018 (UNHCR, 2019). Laporan UNHCR pada tahun 2019 menyatakan bahawa “Menjelang akhir tahun 2018, hampir 70.8 juta individu telah berhijrah secara paksa atau tanpa rela di seluruh dunia, akibat penganiayaan, konflik, keganasan, atau pelanggaran hak asasi manusia.” Sebahagian besar daripada peningkatan tersebut berlaku sekitar tahun 2012 dan 2015, disebabkan oleh konflik di Syria. Namun begitu, konflik-konflik lain turut menyumbang ke arah peningkatan tersebut, termasuklah Iraq, Yaman, Kongo, Sudan, dan juga kemasukan orang pelarian dari Myanmar khususnya Rohingya secara besar-besaran ke Bangladesh pada penghujung tahun 2017 (UNHCR, 2018).

Orang yang berhijrah secara paksa terdiri daripada orang pelarian (*refugees*), pencari suaka (*asylum-seekers*), dan orang pelarian dalaman (*internally displaced people*) (UNHCR, 2019). Bagi konteks artikel ulasan ini, pengkaji memberi fokus kepada orang

pelarian dan pencari suaka kerana kedua-dua kelompok ini berhijrah ke negara serta persekitaran budaya yang berbeza, manakala orang pelarian dalaman hanya melarikan diri ke kawasan yang berbeza di negara asal mereka. Orang pelarian dan pencari suaka secara amnya bermigrasi secara paksa ke negara lain untuk mendapatkan perlindungan akibat faktor-faktor seperti penganiayaan, konflik, keganasan, atau pelanggaran hak asasi manusia.

Sama seperti populasi yang bermigrasi secara sukarela seperti ekspatriat perniagaan dan pelajar antarabangsa, populasi orang pelarian dan pencari suaka juga akan mengalami proses adaptasi antarabudaya di negara tuan rumah (negara transit atau penempatan semula). Namun, proses adaptasi tidak dapat dipisahkan dengan cabaran. Artikel ulasan ini bertujuan untuk meneroka cabaran dan isu utama yang dialami oleh populasi orang pelarian dan pencari suaka semasa menyesuaikan diri di negara tuan rumah. Justeru itu, pengkaji telah merujuk kajian dan laporan terdahulu berkaitan populasi orang pelarian dan pencari suaka di luar negara, khususnya negara-negara transit dan penempatan semula.

2. Adaptasi Antarabudaya Populasi Orang Pelarian Dan Pencari Suaka

Seawal tahun 1950-an, kajian tentang adaptasi antarabudaya telah mendapat perhatian para sarjana. Antara sarjana terkemuka dalam bidang adaptasi antarabudaya adalah seperti [Lysgaard \(1955\)](#), [Oberg \(1960\)](#), [Berry \(1987\)](#), dan [Kim Young Yun \(1988\)](#). Konsep-konsep seperti kejutan budaya (*culture shock*), dan tekanan akulturasi (*acculturative stress*) telah diperkenalkan dalam kajian adaptasi antarabudaya yang mencerminkan 'tekanan' atau 'krisis' yang tidak dapat dielakkan dalam proses adaptasi antarabudaya.

Populasi yang bermigrasi secara paksa seperti orang pelarian dan pencari suaka semakin mendapat perhatian dalam kalangan para sarjana daripada pelbagai bidang, ekoran krisis pelarian global yang kian membimbangkan. Antaranya, adaptasi orang pelarian dan pencari suaka di negara transit dan negara penempatan semula. Pengalaman adaptasi antarabudaya golongan terpinggir dan rentan (*marginalised and vulnerable*) seperti orang pelarian dan pencari suaka bukanlah sesuatu yang mudah. Mereka harus akur meninggalkan negara asal untuk mendapatkan perlindungan di bumi yang asing buat mereka.

'Mencabar', 'sukar' dan 'rumit' merupakan antara perkataan yang sinonim dengan pengalaman adaptasi antarabudaya orang pelarian dan pencari suaka. Menetap di kem pelarian atau kawasan perumahan, keadaan hidup populasi orang pelarian dan pencari suaka dicirikan sebagai tidak selesa/kondusif atau '*in poor condition*' ([Labys, Dreyer & Burns, 2017](#); [Pezerović, Babić & Porobić, 2019](#)). Selain itu, mereka juga tinggal dalam jarak yang dekat di antara satu dengan yang lain atau '*close proximity*' ([Syam et al., 2019](#); [Kavian et al., 2020](#)). Justeru, banyak kajian terdahulu berkaitan adaptasi populasi ini menekankan cabaran dan isu dalam adaptasi antarabudaya.

3. Kaedah Pemilihan Artikel dan Ulasan Tematik

Data sekunder yang dipilih untuk artikel ulasan ini terdiri daripada (i) artikel-artikel kajian terdahulu daripada jurnal terindeks *Scopus*, serta (ii) laporan bebas. Kajian dan laporan terdahulu berkaitan populasi orang pelarian dan pencari suaka di luar negara, khususnya negara-negara transit dan penempatan semula telah dirujuk. Kajian dan

laporan yang dipilih memberi fokus kepada pengalaman, cabaran, serta isu berkaitan penyesuaian populasi orang pelarian dan pencari suaka di negara tuan rumah. Pengkaji telah melakukan analisis tematik dan mengenal pasti beberapa tema yang signifikan dalam kajian dan laporan terdahulu untuk dibincangkan.

4. Hasil dan Perbincangan

Beberapa tema utama berkaitan cabaran dan isu dalam adaptasi orang pelarian dan pencari suaka telah dikenal pasti berdasarkan kajian-kajian lepas. Tema-tema tersebut ialah: (i) halangan bahasa, (ii) sosial, (iii) pekerjaan, (iv) penjagaan kesihatan, dan (v) pendidikan. Dalam aspek sosial, wujud beberapa tema kecil seperti pemisahan keluarga atau orang tersayang, xenofobia dan diskriminasi, serta kurang sokongan sosial.

4.1. Halangan Bahasa

Cabaran utama dalam adaptasi orang pelarian dan pencari suaka yang sering dibincangkan dalam kajian-kajian lepas ialah halangan bahasa. Kemahiran bahasa tuan rumah penting bagi orang pelarian dan pencari suaka kerana ia memainkan peranan terhadap penglibatan orang pelarian dan pencari suaka dalam komuniti tempatan. Contohnya, [Kristjánsdóttir dan Skaptadóttir \(2019\)](#) dalam kajian mereka berkenaan orang pelarian Palestin di Iceland mendapati jurang bahasa membuatkan orang pelarian berasa seolah-olah mereka seperti 'pekak' dan tidak didengari. Mereka terpaksa berkomunikasi melalui komunikasi bukan lisan seperti bahasa badan. Hal ini sekali gus menghalang penglibatan mereka dalam komuniti di Iceland.

Selain itu, [Colvin dan Munz \(2020\)](#) menyatakan kemahiran bertutur dalam bahasa tuan rumah juga memberi peluang yang lebih tinggi untuk mendapatkan pekerjaan di negara tuan rumah. Kenyataan ini disokong oleh kajian [Owino dan Weber \(2020\)](#) di mana orang pelarian mengalami kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan di Amerika Syarikat seandainya mereka tidak fasih bertutur dalam Bahasa Inggeris. Justeru, jelaslah bahawa kemahiran bahasa tuan rumah bukan sahaja mempengaruhi penglibatan dalam komuniti, malah penglibatan dalam pasaran buruh.

Namun begitu, mempelajari dan menguasai bahasa tuan rumah bukanlah sesuatu yang mudah, terutamanya bagi golongan orang pelarian dan pencari suaka. Mereka meninggalkan negara asal mereka atas sebab-sebab seperti penganiayaan, konflik, keganasan, dan pelanggaran hak asasi manusia. Perkara yang dialami sebelum bermigrasi sudah pun memberikan tekanan buat mereka. Lebih mengeruhkan keadaan, ada yang masih trauma dengan apa yang berlaku di negara asal setelah tiba di negara transit atau negara penempatan semula. Menurut kajian [Gürsoy dan Ertaşoğlu \(2019\)](#) serta [Kristjánsdóttir dan Skaptadóttir \(2019\)](#), sebahagian orang pelarian dan pencari suaka tidak bersedia untuk mempelajari bahasa tuan rumah terutamanya pada peringkat awal mereka berada di negara tuan rumah.

Di samping itu, terdapat beberapa faktor lain yang turut mempengaruhi penguasaan bahasa tuan rumah, seperti usia, latar belakang pendidikan, dan tempoh masa di negara tuan rumah. Pertama, keupayaan untuk menguasai bahasa baharu berkurang atas faktor usia ([Asfar et al., 2019](#); [Flug & Hussein, 2019](#); [Nashwan, Cummings & Gagnon, 2019](#); [Pezerović, Babić & Porobić, 2019](#)). Sebagai contoh, [Gürsoy dan Ertaşoğlu \(2019\)](#) dalam kajian mereka mendapati bahawa golongan muda orang pelarian Syria di Turki lebih menunjukkan minat untuk mempelajari bahasa tuan rumah berbanding golongan yang

lebih berusia. Kedua, bagi orang pelarian dan pencari suaka yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi, mereka merasakan lebih mudah untuk mempelajari bahasa tuan rumah, seperti yang ditemukan dalam kajian oleh [Asfar et al. \(2019\)](#) dan [Kristjánsdóttir dan Skaptadóttir \(2019\)](#). Akhir sekali, semakin lama tempoh masa menetap di negara tuan rumah, semakin mudah bagi orang pelarian dan pencari suaka menguasai bahasa tuan rumah ([Asfar et al., 2019](#); [Gürsoy & Ertaşoğlu, 2019](#)). Hal ini menunjukkan bahawa tempoh masa turut mempengaruhi keupayaan orang pelarian dan pencari suaka untuk bertutur dalam bahasa tuan rumah.

Lantas, jelaslah bahawa penguasaan bahasa tuan rumah amat penting dan signifikan dalam adaptasi kerana bahasa diperlukan untuk komunikasi, manakala komunikasi merupakan kunci adaptasi. Walau bagaimanapun, menguasai bahasa baharu bukanlah sesuatu yang mudah, di mana ia dipengaruhi oleh pelbagai faktor serta memerlukan usaha dan masa.

4.2. Sosial

Cabaran seterusnya buat populasi orang pelarian dan pencari suaka ialah terpisah daripada ahli keluarga (*family separation*). Orang pelarian dan pencari suaka terpisah daripada ahli keluarga akibat terbunuh di negara asal, atau kematian semasa transit di kem pelarian ([Khawaja et al., 2008](#)). Walau bagaimanapun, tidak semua perpisahan dengan ahli keluarga melibatkan kematian. Terdapat juga perpisahan ahli keluarga yang berlaku kerana proses pendaftaran sebagai orang pelarian dan pencari suaka yang rumit dan memakan masa yang lama ([Nashwan, Cummings & Gagnon, 2019](#)).

Perpisahan dengan keluarga atau orang tersayang merupakan salah satu faktor utama tekanan psikologi (*psychological distress*) dalam kalangan orang pelarian dan pencari suaka ([Walther et al., 2020](#)). Hal ini sekali gus sering dikaitkan dengan kesedihan berpanjangan, kemurungan, serta boleh mengakibatkan pelbagai kesukaran selepas bermigrasi ([Momartin et al., 2004](#); [Nickerson et al., 2014](#)). Sebagai contoh, [Mangrio, Zdravkovic dan Carlson \(2019\)](#) serta [Owino dan Weber \(2020\)](#) dalam kajian mereka mendapati pemisahan keluarga mengakibatkan kesunyian (*loneliness*) dalam kalangan orang pelarian. Pemisahan keluarga juga menyebabkan pengasingan sosial serta menjadikan adaptasi semakin sukar ([Pezerović, Babić & Porobić, 2019](#)). Oleh yang demikian, kehadiran ahli keluarga atau orang tersayang setelah orang pelarian atau pencari suaka tiba di negara tuan rumah amatlah penting dan signifikan kerana ia mempengaruhi kesihatan psikologi mereka.

Di samping itu, populasi orang pelarian dan pencari suaka juga sering berhadapan xenofobia apabila tiba di negara transit atau negara penempatan semula. Xenofobia ialah rasa takut atau benci kepada orang asing yang dipamerkan oleh masyarakat tempatan terhadap orang luar yang dianggap berbeza atau asing daripada ahli majoriti. Perkara ini turut berkait dengan keengganan masyarakat tempatan untuk menerima dan membantu golongan ini. Selain itu, xenofobia juga dikaitkan dengan diskriminasi, di mana diskriminasi boleh berlaku atas dasar status orang pelarian atau pencari suaka, jantina, bangsa, dan agama ([Kavian et al., 2020](#)). Xenofobia dan diskriminasi boleh berlaku dalam bentuk penderaan lisan ([Khawaja et al., 2008](#); [Labys, Dreyer & Burns, 2017](#)) dan serangan fizikal ([Labys, Dreyer & Burns, 2017](#)). Dalam sebuah kajian yang dijalankan di Amerika Syarikat pada tahun 2019, pelarian wanita yang mengenakan hijab merupakan mangsa utama xenofobia dan diskriminasi ([Nashwan, Cummings & Gagnon, 2019](#)). Manakala kajian yang dijalankan di Newcastle, UK pada tahun yang sama pula

mendapati bukan sahaja pelarian wanita yang memakai hijab menjadi mangsa xenofobia dan diskriminasi, malah orang pelarian yang berkulit gelap turut menjadi mangsa xenofobia dan diskriminasi (Flug & Hussein, 2019). Kajian oleh Kavian et al. (2020) pula mendapati orang pelarian Afghanistan di Iran dan Pakistan menjadi mangsa diskriminasi kerana masyarakat tempatan risau golongan ini akan merampas peluang pekerjaan yang sedia ada.

Tambahan lagi, diskriminasi juga boleh menyebabkan tekanan akulturasi yang tinggi dalam kalangan orang pelarian dan pencari suaka (Alemi & Stempel, 2018; Beiser, Puente-Duran & Hou, 2015; d'Abreu, Castro-Olivo & Ura, 2019; Mohamed & Thomas, 2017; Thela et al., 2017). Sebagai contoh, kajian oleh Thela et al. (2017) mendapati ketakutan yang dialami oleh orang pelarian ekoran diskriminasi oleh penduduk tempatan di Afrika Selatan menyebabkan tekanan semasa adaptasi. Pada masa yang sama, tekanan akulturasi boleh memberi kesan negatif kepada kesihatan mental, seperti yang ditemukan dalam kajian Alemi dan Stempel (2018) serta d'Abreu, Castro-Olivo dan Ura (2019). Di samping memberi kesan negatif kepada kesihatan mental, diskriminasi juga menghalang adaptasi sosial (Montgomery & Foldspang, 2007).

Di samping itu juga, populasi orang pelarian dan pencari suaka kurang mendapat sokongan sosial. Kajian-kajian lepas telah mendapati kekurangan sokongan sosial bagi orang pelarian dan pencari suaka mendatangkan kesan negatif terhadap penyesuaian mereka di negara tuan rumah (Syam et al., 2019; Khawaja et al., 2008; Kristjánsdóttir & Skaptadóttir, 2019). Contohnya dalam kajian oleh Kristjánsdóttir dan Skaptadóttir (2019), kurangnya sokongan sosial daripada komuniti tempatan melahirkan perasaan negatif dalam kalangan orang pelarian Palestin di Iceland, di mana mereka berasa seolah-olah tidak diterima oleh masyarakat setempat.

Justeru itu, sokongan sosial daripada pelbagai pihak amat penting dalam membantu populasi ini menyesuaikan diri di negara tuan rumah. Kehilangan orang tersayang sudah pun memberikan mereka tekanan, ditambah pula dengan xenofobia dan diskriminasi daripada masyarakat tuan rumah. Oleh itu, masyarakat tuan rumah seharusnya memberi sokongan sosial dan menerima populasi orang pelarian dan pencari suaka bagi membantu mereka menyesuaikan diri di negara tuan rumah.

4.3. Pekerjaan

Salah satu isu utama yang timbul semasa adaptasi orang pelarian dan pencari suaka ialah kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan di negara tuan rumah. Sungguhpun Konvensyen Pelarian 1951 mencadangkan hak untuk bekerja di antara standard minimum untuk layanan terhadap orang pelarian, negara tuan rumah mempunyai kuasa serta budi bicara untuk memutuskan sama ada golongan tersebut dibenarkan untuk bekerja atau tidak (Mencutek & Nashwan, 2020). Malah, bagi negara-negara bukan parti kepada Konvensyen Pelarian 1951, mereka tidak terikat untuk memenuhi standard minimum tersebut.

Pekerjaan merupakan pengaruh utama terhadap kesihatan orang pelarian (Wong et al., 2019; Wood et al., 2019; Yijala & Luoma, 2019). Sebagai contoh, kajian oleh Wood et al. (2019) mendapati orang pelarian Afrika di Australia berasa lebih sihat secara keseluruhan apabila bekerja, melalui aktiviti fizikal pekerjaan itu sendiri, serta dengan wujudnya rutin dan tujuan harian. Sama seperti kajian oleh Wong et al. (2019), mereka mendapati pekerjaan secara tidak langsung memberi manfaat kepada kesihatan fizikal

orang pelarian Myanmar di Australia melalui perjalanan pergi dan balik ke tempat kerja, serta semasa melakukan pekerjaan itu sendiri. Di samping itu, pekerjaan mendatangkan kesan positif bukan sahaja terhadap kesihatan fizikal, malah kesihatan psikologi dan kepuasan hidup orang pelarian (Yijala & Luoma, 2019).

Oleh yang demikian, menafikan hak untuk bekerja buat populasi yang terpinggir dan terdedah mampu mendatangkan pelbagai impak negatif kepada populasi tersebut. Daripada tidak mampu menampung kehidupan seharian, sehinggalah menyebabkan kemerosotan kesihatan mental dan fizikal. Kajian oleh Tip et al. (2020) mendapati orang pelarian di UK yang tidak bekerja berhadapan dengan masalah kewangan, dan apabila dibiarkan berlanjutan memberi kesan negatif terhadap kesihatan mental mereka. Serupa dengan kajian Pezerović, Babić dan Porobić (2019), mereka mendapati pengangguran dalam kalangan orang pelarian dan pencari suaka di Bulgaria mengakibatkan tekanan untuk menampung kehidupan terutamanya dalam institusi kekeluargaan. Menurut Yijala dan Luoma (2019), pengangguran yang berlanjutan juga secara tidak langsung menyebabkan kemerosotan kesihatan fizikal dan mental seperti insomnia, kegelisahan, dan kenaikan berat badan kerana berada dalam keadaan tidak aktif.

Di sesetengah negara, orang pelarian dan pencari suaka dibenarkan bekerja dan menyertai pasaran buruh. Namun begitu, mereka kebiasaannya lebih mudah mendapat pekerjaan di sektor buruh seperti pembinaan dan pertanian, dan bukannya di sektor lain yang bersesuaian dengan kelayakan dan kemahiran mereka (Vickers et al., 2016; Mencutek & Nashwan, 2020). Menurut Vickers et al. (2016) serta Mencutek dan Nashwan (2020) lagi, mereka lazimnya dieksploitasi dengan bayaran yang rendah dan waktu bekerja yang panjang. Contohnya, Flug dan Hussein (2019) dalam kajian mereka mendapati majoriti orang pelarian di Newcastle yang mempunyai kelayakan serta pengalaman profesional bekerja sebagai buruh pembinaan dengan bayaran yang rendah kerana kelayakan mereka tidak diiktiraf di UK. Hal ini sama seperti kajian oleh Labys, Dreyer dan Burns (2017) serta Wong et al. (2019), di mana kelayakan dan pengalaman kerja orang pelarian dalam kajian mereka tidak diiktiraf di Afrika Selatan dan Australia.

Justeru itu, dapatlah disimpulkan bahawa pekerjaan juga merupakan salah satu aspek penting bagi populasi orang pelarian dan pencari suaka di negara tuan rumah. Hal ini kerana, tanpa pekerjaan, sukar buat mereka untuk meneruskan kehidupan sehari-hari, apatah lagi untuk mengadaptasi.

4.4. Penjagaan Kesihatan

Konvensyen Pelarian 1951 juga mencadangkan akses kepada penjagaan kesihatan sebagai salah satu standard minimum untuk layanan terhadap orang pelarian, selain pekerjaan (UNHCR, 2017). Walau bagaimanapun, setiap negara mempunyai polisi yang tersendiri dalam menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan kepada orang pelarian dan pencari suaka. Di kebanyakan negara di mana orang pelarian dan pencari suaka mempunyai akses kepada penjagaan kesihatan, kajian-kajian lepas turut mendapati terdapat banyak halangan untuk mendapatkan penjagaan kesihatan.

Halangan pertama ialah orang pelarian dan pencari suaka tidak memahami bagaimana sistem kesihatan sesebuah negara itu berfungsi (Kang, Tomkow & Farrington, 2019; Kiselev et al., 2020; Piacentini et al., 2019). Menurut Kiselev et al (2020), perkara ini berkait rapat dengan birokrasi serta prosedur yang kompleks dalam institusi kesihatan.

Sebagai contoh, [Kang, Tomkow dan Farrington \(2019\)](#) dalam kajian mereka mendapati orang pelarian di UK tidak memahami sistem kesihatan, di mana mereka tidak memahami struktur, serta keliru tentang cara berurusan dan berunding, termasuklah ketidakpastian tentang cara mengatur janji temu. Ketidakjelasan dalam memahami sistem kesihatan menyukarkan tindakan yang perlu dilakukan sekiranya terdapat masalah kesihatan dalam kalangan orang pelarian dan pencari suaka ([Kiselev et al., 2020](#)).

Halangan kedua pula, orang pelarian dan pencari suaka berhadapan dengan masalah kewangan untuk mengakses khidmat penjagaan kesihatan ([Kang, Tomkow & Farrington, 2019](#); [Kavian et al., 2020](#)). Contohnya, [Kavian et al. \(2020\)](#) dalam kajian mereka mendapati orang pelarian Afghanistan di Iran dan Pakistan sukar untuk mengakses penjagaan kesihatan kerana bayaran yang dikenakan tinggi berbanding rakyat tempatan. Selain itu, perkhidmatan yang disediakan juga adalah terhad. [Kang, Tomkow dan Farrington \(2019\)](#) pula mendapati orang pelarian dan pencari suaka di UK berhadapan masalah kewangan sungguhpun diberikan akses percuma kepada penjagaan kesihatan asas. Hal ini kerana, mereka terbeban dengan kos pengangkutan yang diperlukan untuk ke pusat perubatan, dengan elaun bulanan yang rendah. Tambahan lagi, terdapat beberapa informan yang melaporkan mereka dicaj untuk ubat-ubatan serta perkhidmatan pergigian, walaupun sepatutnya mendapat perkhidmatan tersebut secara percuma.

Ketiga, dapatan daripada kajian-kajian lepas menyatakan bahawa orang pelarian dan pencari suaka menerima layanan buruk atau dinafikan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan kerana stigma terhadap status mereka sebagai imigran, tempat asal, kaum, bahasa, dan agama ([Kang, Tomkow & Farrington, 2019](#); [Piacentini et al., 2019](#); [Schein et al., 2019](#)). Sebagai contoh, [Piacentini et al. \(2019\)](#) dalam kajian mereka mendapati orang pelarian di UK sering didiskriminasikan kerana status imigrasi mereka. Hal ini mengakibatkan kurangnya kepercayaan terhadap doktor dan kakitangan sokongan kesihatan, serta sekali gus merasakan mereka tidak dipandang serius. [Kang, Tomkow dan Farrington \(2019\)](#) dalam kajian mereka pula mendapati terdapat orang pelarian di UK yang tidak dilayan atau diberi layanan yang buruk oleh staf sokongan kesihatan semasa mendaftar di pusat perubatan kerana status mereka sebagai imigran, serta kaum dan agama mereka.

Keempat, kekurangan sumber turut menjadi halangan untuk mendapat akses kepada penjagaan kesihatan ([Kiselev et al., 2020](#); [Richard et al., 2019](#); [Robertshaw, Dhese & Jones, 2017](#)). Di samping kemudahan atau fasiliti, kekurangan sumber dalam penjagaan kesihatan termasuklah kekurangan doktor dan kakitangan sokongan kesihatan, serta jurubahasa ([Kiselev et al., 2020](#); [Robertshaw, Dhese & Jones, 2017](#)). Hal ini menyebabkan senarai menunggu yang lama buat pesakit. Selain itu, kekurangan tenaga kerja dalam sektor penjagaan kesihatan secara tidak langsung menambah beban kerja dan memberi tekanan tambahan buat petugas kesihatan untuk menyediakan khidmat penjagaan kesihatan kepada orang pelarian dan pencari suaka ([Robertshaw, Dhese & Jones, 2017](#)). Sebagai contoh, kajian [Richard et al. \(2019\)](#) mendapati kurangnya sumber menyebabkan tempoh menunggu yang lama untuk rawatan kesihatan. Hal ini menyebabkan orang pelarian di New Zealand tidak mendapat akses kepada rawatan pada waktu yang diperlukan. Hal ini turut mengakibatkan penjagaan lanjutan mustahil untuk dilakukan.

Populasi orang pelarian dan pencari suaka merupakan populasi yang terpinggir dan rentan di mana majoritinya juga sudah mengalami trauma serta mempunyai akses yang

sangat terhad kepada penjagaan kesihatan sejak di negara asal mereka lagi. Apabila mereka tiba di negara transit atau negara penempatan semula, akses kepada penjagaan kesihatan amatlah diperlukan. Oleh yang demikian, negara tuan rumah seharusnya memainkan peranan bagi memastikan populasi ini mendapat khidmat penjagaan kesihatan yang sewajarnya.

4.5. Pendidikan

Akses kepada pendidikan (untuk kanak-kanak pelarian dan pencari suaka) juga merupakan salah satu standard minimum layanan terhadap orang pelarian dan pencari suaka (UNHCR, 2017). Walau bagaimanapun, sama seperti hak untuk bekerja dan akses kepada penjagaan kesihatan, setiap negara tuan rumah yang menerima orang pelarian dan pencari suaka mempunyai undang-undang atau polisi yang tersendiri berkenaan akses kepada pendidikan kanak-kanak bukan warganegara. Menurut Koehler et al. (2018), sejumlah besar kanak-kanak orang pelarian dan pencari suaka tidak mendapat pendedahan kepada pendidikan di negara asalnya atau ketinggalan tahun persekolahan kerana situasi di negara asal, manakala terdapat juga sejumlah yang pernah menerima pendidikan formal di negara asal mereka.

Prosedur yang rumit, sekatan undang-undang dan polisi pendidikan merupakan antara isu yang menyebabkan kanak-kanak orang pelarian dan pencari suaka menghadapi masalah untuk mengakses pendidikan di negara tuan rumah (Koehler & Schneider, 2019). Prosedur yang rumit dan sekatan undang-undang menghalang penyertaan kanak-kanak orang pelarian dan pencari suaka dalam pendidikan kerana ia bergantung pada status atau peringkat dalam permohonan suaka. Bukan itu sahaja, dokumen khusus seperti visa dan kad pengenalan juga diperlukan, di mana kebanyakan orang pelarian dan pencari suaka tidak mempunyai dokumen sedemikian (Kavian et al., 2020).

Selain itu, menurut UNICEF (2017), kurangnya sumber seperti guru terlatih, bahan pengajaran, dan kemudahan yang sesuai juga menghalang kanak-kanak orang pelarian dan pencari suaka untuk mendapatkan pendidikan. Kajian oleh Crul et al. (2019) mendapati guru terlatih serta penggunaan bahan pengajaran yang dibangunkan secara khusus untuk kanak-kanak orang pelarian dan pencari suaka masih kurang di kebanyakan negara (Sweden, Jerman, Greece, Lubnan dan Turki). Kajian oleh Koehler dan Schneider (2019) juga mendapati perkara yang sama, di mana mereka turut mendapati guru yang tidak terlatih untuk mengajar kanak-kanak orang pelarian dan pencari suaka antara halangan dalam sistem pendidikan di Eropah. Masih ramai guru di Eropah yang kekurangan latihan, kecekapan dan pengalaman dengan masalah migrasi dan kepelbagaian.

Di samping itu, negara tuan rumah yang tidak bersedia untuk menerima dan menyediakan pendidikan buat kanak-kanak orang pelarian dan pencari suaka juga dilihat sebagai halangan. Sebagai contoh, menurut Crul et al. (2019), negara-negara seperti Sweden, Jerman, Greece, Lubnan dan Turki masih tidak bersedia untuk menguruskan pendidikan kanak-kanak orang pelarian dan pencari suaka ekoran kemasukan populasi ini secara besar-besaran. Banyak negara masih menangani masalah ini secara *ad hoc*, dengan menggunakan langkah penyelesaian sementara untuk jangka masa yang terhad (Crul et al., 2019).

Pendidikan amat penting buat semua individu, terutamanya kanak-kanak kerana pendidikan awal mampu menentukan masa depan mereka. Kanak-kanak pelarian juga

tidak terkecuali, sungguhpun mereka membesar dalam belunggu konflik. Justeru itu, negara tuan rumah seharusnya mengambil tindakan proaktif bagi memastikan kanak-kanak pelarian juga diberikan peluang pendidikan yang sewajarnya.

5. Kesimpulan

Bagi mengakhiri artikel ulasan ini, pengkaji ingin menyimpulkan dua perkara. Pertama, adaptasi antarabudaya populasi orang pelarian dan pencari suaka bukanlah sesuatu yang mudah. Mereka tidak mempunyai banyak pilihan, namun tetap berusaha meneruskan kehidupan di bumi asing. Harapan mereka hanya satu – untuk keluar daripada belunggu keganasan dan penganiayaan di negara asal, serta hidup dengan aman di negara tuan rumah. Oleh kerana mereka merupakan golongan yang terpinggir dan rentan, orang pelarian dan pencari suaka berhadapan dengan lebih banyak cabaran dan isu semasa menyesuaikan diri di negara tuan rumah, tidak kira negara transit atau negara penempatan semula. Cabaran dan isu dalam aspek halangan bahasa, sosial (pemisahan keluarga atau orang tersayang, xenofobia dan diskriminasi, kurang sokongan sosial), pekerjaan, penjagaan kesihatan, dan pendidikan kesemuanya mempengaruhi kehidupan sehari-hari serta masa depan orang pelarian dan pencari suaka.

Kedua, melalui artikel ulasan ini, pengkaji menyimpulkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang jelas di antara cabaran dan isu yang dihadapi oleh populasi orang pelarian dan pencari suaka di negara transit dengan negara penempatan semula. Sebagai contoh, Turki merupakan negara transit, manakala Amerika Syarikat merupakan negara penempatan semula. Namun, melalui analisis tematik yang dilakukan, kedua-dua negara transit dan negara penempatan semula mempamerkan cabaran dan isu yang serupa. Maka, di sini timbullah persoalan adakah kehidupan populasi orang pelarian dan pencari suaka tidak berubah ke arah yang lebih berkualiti sungguhpun setelah berhijrah ke negara penempatan semula? Perkara ini menyeru keperluan untuk kajian yang lebih mendalam bagi melihat perbezaan di antara penyesuaian di negara transit dan negara penempatan semula populasi yang sama.

Akhir kata, selari dengan Matlamat Pembangunan Lestari Bangsa-Bangsa Bersatu atau *Sustainable Development Goals (SDGs)*, “*Leaving no one behind*” - amatlah penting bagi negara tuan rumah, tidak kira negara transit atau negara penempatan semula untuk mengambil kira pelbagai aspek dalam membantu populasi orang pelarian dan pencari suaka untuk menyesuaikan diri di negara tuan rumah.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada semua yang terlibat dalam penghasilan kertas ulasan ini.

Kewangan (*Funding*)

Penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan.

Rujukan

- Alemi, Q. & Stempel, C. (2018). Discrimination and Distress among Afghan Refugees in Northern California: The Moderating Role of Pre- and Post-migration Factors. *PLoS ONE*, 13(5), 1-19.
- Asfar, D., Born, M.P., Oostrom, J.K. & Van Vugt, M. (2019). Psychological Individual Differences as Predictors of Refugees' Local Language Proficiency. *European Journal of Social Psychology*, 49, 1385-1400.
- Beiser, M., Puente-Duran, S. & Hou, F. (2015). Cultural Distance and Emotional Problems among Immigrant and Refugee Youth in Canada: Findings from the New Canadian Child and Youth Study (NCCYS). *International Journal of Intercultural Relations*, 49, 33-45.
- Berry, J. W., Kim, U., Minde, T. & Mok, D. (1987). Comparative Studies of Acculturative Stress. *International Migration Review*, 21(3), 491-511.
- Colvin, J.W. & Munz, S.M. (2020). Voices of Refugee Women: Adaptation and Identification. *Journal of Intercultural Communication Research*, 49(2), 156-171.
- Crul, M., Lelie, F., Biner, O., Bunar, N., Keskiner, E., Kokkali, I., Schneider, J. & Shuayb, M. (2019). How the Different Policies and School Systems affect the Inclusion of Syrian Refugee Children in Sweden, Germany, Greece, Lebanon and Turkey. *Comparative Migration Studies*, 7(10), 1-20.
- d'Abreu, A., Castro-Olivo, S. & Ura, S.K. (2019). Understanding the Role of Acculturative Stress on Refugee Youth Mental Health: A Systematic Review and Ecological Approach to Assessment and Intervention. *School Psychology Internasional*, 40(2), 107-127.
- Flug, M. & Hussein, J. (2019). Integration in the Shadow of Austerity – Refugees in Newcastle upon Tyne. *Social Sciences*, 8(212), 1-17.
- Gürsoy, E. & Ertaşoğlu, L.D. (2019). Syrian Refugees' Perception of Barriers and Bridges towards Integration into Turkish Society. *Language, Culture and Curriculum*, 32(2), 128-141.
- Kang, C., Tomkow, L. & Farrington, R. (2019). Access to Primary Health Care for Asylum Seekers and Refugees: A Qualitative Study of Service User Experiences in the UK. *British Journal of General Practice*, 1-9.
- Kavian, F., Mehta, K., Willis, E., Mwanri, L., Ward, P. & Booth, S. (2020). Migration, Stress and the Challenges of Accessing Food: An Exploratory Study of the Experience of Recent Afghan Women Refugees in Adelaide, Australia. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 17(1379), 1-16.
- Khawaja, H.G., White, K.M., Schweitzer, R. & Greenslade, J. (2008). Difficulties and Coping Strategies of Sudanese Refugees: A Qualitative Approach. *Transcultural Psychiatry*, 45(3), 489-512.
- Kim Young Yun. (1988). *Communication and Cross-cultural Adaptation: An Integrative Theory*. Clevedon, UK: Multilingual Matters.
- Kiselev, N., Pfaltz, M., Haas, F., Schick, M., Kappen, M., Sijbrandij, M., De Graaff, A.M., Bird, M., Hansen, P., Ventevogel, P., Fuhr, D.C., Schnyder, U. & Morina, N. (2020). Structural and Socio-cultural Barriers to Accessing Mental Healthcare among Syrian Refugees and Asylum Seekers in Switzerland. *European Journal of Psychotraumatology*, 11, 1-16.
- Koehler, C., Kakos, M., Sharma-Brymer, V., Schneider, J., Tadjman, T., Van den Heerik, A., Ravn, S., Lippens, M., Nouwen, W., Belloni, M., Clycq, N., Timmerman, C., Denkelaar, M., Palaiologou, N. & Toumpoulidis, G. (2018). SIRIUS - Policy Network on Migrant Education. Multi-Country Partnership to Enhance the Education of Refugee and

- Asylum-Seeking Youth in Europe - Perae. Comparative Report. European forum for migration studies (efms) Institute at the University of Bamberg.
- Koehler, C. & Schneider, J. (2019). Young Refugees in Education: The Particular Challenges of School Systems in Europe. *Comparative Migration Studies*, 7(28), 1-20.
- Kristjánsdóttir, E.S. & Skaptadóttir, U.D. (2019). "I'll Always Be a Refugee": The Lived Experience of Palestinian Refugee Women of Moving to a Small Society in Iceland. *Journal of Immigrant & Refugee Studies*, 17(3), 389-404.
- Labys, C.A., Dreyer, C. & Burns, J.K. (2017). At Zero and Turning in Circles: Refugee Experiences and Coping in Durban, South Africa. *Transcultural Psychiatry*, 54(5-6), 696-714.
- Lysgaard, S. (1955). Adjustment in a Foreign Society: Norwegian Fulbright Grantees Visiting the United States. *International Social Science Bulletin*, 7(1), 45-51.
- Mangrio, E., Zdravkovic, S. & Carlson, E. (2019). Refugee Women's Experience of the Resettlement Process: A Qualitative Study. *BMC Women's Health*, 19(147), 1-6.
- Mencutek, Z.S. & Nashwan, A.J. (2020). Perceptions About the Labor Market Integration of Refugees: Evidences from Syrian Refugees in Jordan. *Journal of International Migration and Integration*, 1-19.
- Mohamed, S. & Thomas, M. (2017). The Mental Health and Psychological Well-being of Refugee Children and Young People: An Exploration of Risk, Resilience and Protective Factors. *Educational Psychology in Practice*, 33(3), 249-263.
- Momartin, S., Silove, D., Manicavasagar, V. & Steel, Z. (2004). Comorbidity of PTSD and Depression: Associations with Trauma Exposure, Symptom Severity and Functional Impairment in Bosnian Refugees Resettled in Australia. *Journal of Affective Disorders*, 80(2-3), 231-238.
- Montgomery, E. & Foldspang, A. (2007). Discrimination, Mental Problems and Social Adaptation in Young Refugees. *European Journal of Public Health*, 18(2), 156-161.
- Nashwan, A., Cummings, S.M. & Gagnon, K. (2019). Older Female Iraqi Refugees in the United States: Voices of Struggle and Strength. *International Social Work*, 62(2), 653-668.
- Nickerson, A., Liddell, B.J., Maccallum, F., Steel, Z., Silove, D. & Bryant, R.A. (2014). Posttraumatic Stress Disorder and Prolonged Grief in Refugees Exposed to Trauma and Loss. *BMC Psychiatry*, 14(106), 1-11.
- Oberg, K. (1960). Culture Shock: Adjustment to New Cultural Environment. *Practical Anthropology*, 7, 177-182.
- Owino, J. & Weber, C.D. (2020). Explicating Anomie in Refugee Women's Integration Narratives: A Qualitative Research Study. *International Journal of Intercultural Relations*, 74, 69-79.
- Pezerović, A., Babić, M.M. & Porobić, S. (2019). Parents in Exile: Challenges of Parenting among Refugees and Asylum Seekers in Bulgaria. *Rev. soc. polit*, 26(1), 97-114.
- Piacentini, T., O'Donnell, C., Phipps, A., Jackson, I. & Stack, N. (2019). Moving Beyond the 'Language Problem': Developing an Understanding of the Intersections of Health, Language and Immigration Status in Interpreter-mediated Health Encounters. *Language and Intercultural Communication*, 19(3), 256-271.
- Richard, L., Richardson, G., Jaye, C. & Stokes, Tim. (2019). Providing Care to Refugees through Mainstream General Practice in the Southern Health Region of New Zealand: A Qualitative Study of Primary Healthcare Professionals' Perspectives. *BMJ Open*, 9, 1-10.
- Robertshaw, L., Dhesi, S. & Jones, L.L. (2017). Challenges and Facilitators for Health Professionals Providing Primary Healthcare for Refugees and Asylum Seekers in

- High-income Countries: A Systematic Review and Thematic Synthesis of Qualitative Research. *BMJ Open*, 7, 1-18.
- Schein, Y.L., Winje, B.A., Myhre, S.L., Nordstoga, I. & Straiton, M.L. (2019). A Qualitative Study of Health Experiences of Ethiopian Asylum Seekers in Norway. *BMC Health Services Research*, 19(958), 1-12.
- Syam, H., Venables, E., Sousse, B., Severy, N., Saavedra, L. & Kazour, F. (2019). "With Every Passing Day I Feel like a Candle, Melting Little by Little." Experiences of Long-term Displacement amongst Syrian Refugees in Shatila, Lebanon. *Conflict and Health*, 13(45), 1-12.
- Thela, L., Tomita, A., Maharaj, V., Mhlongo, M. & Burns, J.K. (2017). Counting the Cost of Afrophobia: Post-migration Adaptation and Mental Health Challenges of African Refugees in South Africa. *Transcultural Psychiatry*, 54(5-6), 715-732.
- Tip, L.K., Brown, R., Morrice, L., Collyer, M. & Easterbrook, M.J. (2020). Believing is Achieving: A Longitudinal Study of Self-efficacy and Positive Affect in Resettled Refugees. *Journal of Ethnic and Migration Studies*, 1-18.
- UNHCR. (2017). A guide to international refugee protection and building state asylum systems. Handbook for Parliamentarians N° 27. <https://www.unhcr.org/3d4aba564.pdf>
- UNHCR. (2018). Global Trends: Forced Displacement in 2018. <https://www.unhcr.org/globaltrends2018/>
- UNHCR. (2019). Figures at a Glance. <https://www.unhcr.org/en-my/figures-at-a-glance.html>
- UNICEF. (2017). Education Uprooted. For every migrant, refugee and displaced child, education. <https://www.unicef.org/reports/education-uprooted>
- Vickers, T., Clayton, J., Davison, H., Hudson, L., Romero, C.A.M., Biddle, P., Lilley, S., Fletcher, G. & Chantowski, M. (2016). New Migrants' in the North East Workforce: Final Report. Nottingham Trent University.
- Walther, L., Fuchs, L.M., Schupp, J. & Von Scheve, C. (2020). Living Conditions and the Mental Health and Well-being of Refugees: Evidence from a Large-Scale German Survey. *Journal of Immigrant and Minority Health*, 1-11.
- Wong, C.K., White, C., Thay, B. & Lassemillante, A.M. (2019). Living a Healthy Life in Australia: Exploring Influences on Health for Refugees from Myanmar. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 17(121), 1-12.
- Wood, N., Charlwood, G., Zecchin, C., Hansen, V., Douglas, M. & Pit, S.W. (2019). Qualitative Exploration of the Impact of Employment and Volunteering upon the Health and Wellbeing of African Refugees Settled in Regional Australia: A Refugee Perspective. *BMC Public Health*, 19(143), 1-15.
- Yijala, A. & Luoma, T. (2019). The Importance of Employment in the Acculturation Process of Well-Educated Iraqis in Finland: A Qualitative Follow-up Study. *Refugee Survey Quarterly*, 38, 314-340.